



**UNDANG – UNDANG
TUBUH KELAB SUKAN DAN KEBAJIKAN
MAHKAMAH PAHANG TIMUR**

No Pendaftaran : 1333/89 (Pahang)

UNDANG – UNDANG TUBUH KELAB SUKAN DAN KEBAJIKAN MAHKAMAH PAHANG TIMUR PAHANG

1. Nama dan Alamat Berdaftar

- (i) Pertubuhan ini dikenali sebagai nama 'Kelab Sukan Dan Kebajikan Mahkamah Pahang Timur Pahang' dan selepas ini akan disebut 'Kelab'.
- (ii) Alamat berdaftar ialah di D/A: Kompleks Mahkamah Kuantan, Bandar Indera Mahkota, 25200 Kuantan, Pahang atau ditempat lain atau tempat yang akan ditetapkan dari masa ke semasa oleh Jawatankuasa dan alamat surat menyurat ialah D/A: Kompleks Mahkamah Kuantan, Bandar Indera Mahkota, 25200 Kuantan, Pahang Darul Makmur. Alamat berdaftar dan alamat surat menyurat Kelab tidak boleh diubah melainkan dengan kebenaran Pendaftar Pertubuhan terlebih dahulu.

2. Lambang

- (i) Reka Bentuk Lambang
Lambang Kelab ini berbentuk bulat. Bulatan luar warna merah, bulatan dalam warna kuning. Didalamnya mengandungi neraca, lembing, 2 buah gading, sebilah keris dan perkataan – perkataan **KELAB SUKAN DAN KEBAJIKAN MAHKAMAH PAHANG TIMUR PAHANG**



- (ii) Makna Lambang
 - (a) Neraca bermakna perseimbangan dalam kumpulan.
 - (b) Keris bermakna semangat kepahlawanan yang mana ahli – ahli kelab ini mempunyai semangat berjuang.
 - (c) 2 gading dan lembing bermakna lambang Kerajaan Negeri Pahang Darul Makmur dan ini menunjukkan Kelab ini ditubuhkan di Negeri Pahang Darul Makmur.
 - (d) Bentuk bulat bermakna perpaduan dalam kumpulan.

- (iii) Warna Lambang
 - (a) Warna merah bermaksud perpaduan/semangat berjuang.
 - (b) Warna kuning bermaksud terikat kepada peraturan.
 - (c) Warna biru bermaksud perseimbangan.
 - (d) Warna putih bermaksud cinta dan sayang kepada Negeri Pahang Darul Makmur.

3. Tujuan dan Maksud

- (i) Memupuk semangat kesukanan dan menyuburkan minat terhadap sukan diantara ahli – ahli, menggalakkan kerja – kerja amal dan kebajikan serta memberi peluang berhubung diantara satu sama lain demi mengeratkan silaturrahim dikalangan semua ahli.

- (ii) Kelab ini dibenarkan melibatkan diri dalam bidang perniagaan dan pelaburan bagi menambahkan sumber kewangan Kelab demi kebajikan semua ahli.

- (iii) Semua wang dan keuntungan yang didapati oleh Kelab ini hasil dari penyertaannya di dalam mana – mana perniagaan atau pelaburan akan hanya digunakan semata-mata untuk melanjutkan, memajukan

dan menjalankan tujuan – tujuan Kelab ini, dan tidak sebahagian pun daripada wang atau keuntungan itu akan digunakan untuk membayar faedah, keuntungan atau bonus kepada sebarang ahli Kelab. Sungguhpun begitu peruntukkan ini tidak menghalang sebarang pembayaran yang dibuat dengan tujuan baik seperti membayar gaji atau perbelanjaan atau kedua – duanya kepada sebarang ahli atau pekerja Kelab.

4. Keahlian

- (i) Keahlian Kelab ini adalah terdiri daripada kepada Pegawai dan Kakitangan Mahkamah Kuantan, Mahkamah Pekan dan Mahkamah Rompin.
- (ii) Tiap - tiap permohonan menjadi ahli hendaklah dicadangkan dan disokong oleh seorang ahli dan dihantar kepada Setiausaha yang hendaklah mengemukakan permohonan itu dengan secepat mungkin kepada Jawatankuasa untuk diluluskan. Jawatankuasa boleh mengikut budibicara menolak sebarang permohonan tanpa sebab-sebabnya.
- (iii) Setiap pemohon yang permohonannya telah diluluskan seperti yang tersebut di atas, hendaklah setelah membayar bayaran masuk dan yuran bulanan pertama seperti yang ditentukan, diterima menjadi ahli Kelab dan berhaklah ia sebagai ahli.

5. Yuran Pendaftaran, Yuran Ahli dan Lain – Lain Bayaran

- (i) Yuran Pendaftaran dan yuran ahli yang kena dibayar adalah seperti berikut:-

(a) Yuran Pendaftaran	-	RM5.00
-----------------------	---	--------

(b) Yuran Ahli

1. Ahli dalam tanggagaji gred 1 – 16	-	RM2.00
2. Ahli dalam tanggagaji gred 17 – 26	-	RM3.00
3. Ahli dalam tanggagaji gred 27 – 38	-	RM5.00
4. Ahli dalam tanggagaji gred 41 – 44	-	RM10.00
5. Ahli dalam tanggagaji gred 48 – 54	-	RM15.00
6. Ahli dalam tanggagaji gred JUSA	-	RM25.00

- (ii) Yuran bulanan hendaklah dibayar kepada Bendahari sebelum atau pada 10 haribulan tiap – tiap bulan.
- (iii) Yuran khas atau kutipan wang daripada ahli – ahli untuk perkara tertentu boleh dijalankan dengan persetujuan mesyuarat agung ahli – ahli.

6. Mesyuarat Agung

- (i) Pengelolaan Kelab ini terserah kepada mesyuarat Agung ahli – ahlinya. Sekurang – kurangnya satu perdua ($\frac{1}{2}$) daripada jumlah ahli yang berhak mengundi atau dua kali jumlah ahli Jawatankuasa, ikut mana yang kurang hendaklah hadir di dalam mesyuarat agung bagi mengesahkan perjalanan mesyuarat dan mencukupi bilangan (Korum) untuk mesyuarat.
- (ii) Jika Korum tidak cukup selepas setengah jam daripada waktu yang ditetapkan untuk mesyuarat maka mesyuarat itu hendaklah ditangguhkan kepada suatu tarikh (tidak lebih daripada 30 hari) yang ditetapkan oleh Jawatankuasa dan jika Korum tidak cukup selepas setengah jam daripada waktu yang ditetapkan untuk mesyuarat yang ditangguhkan itu, maka berkuasalah ahli – ahli yang hadir menjalankan mesyuarat tetapi tidaklah berkuasa mengubah undang – undang Tubuh Kelab dan membuat keputusan – keputusan yang melibatkan semua ahli.

- (iii) Mesyuarat Agung Tahunan bagi Kelab hendaklah diadakan dengan secepat mungkin setelah akhir tahun kewangan tetapi tidak lewat daripada 31hb Mac pada tarikh, masa dan tempat yang ditetapkan oleh Jawatankuasa. Kerja – kerja mesyuarat agung tahunan ialah :
- (a) Menerima laporan jawatankuasa berkenaan kerja – kerja Kelab didalam tahun lalu:
 - (b) Menerima laporan bendahari dan penyata kira – kira yang telah di audit bagi tahun yang lalu :
 - (c) Melantik ahli – ahli jawatankuasa dan pemeriksa kira – kira untuk tahun yang akan datang.
 - (d) Menguruskan lain – lain perkara yang dibentangkan didalam mesyuarat itu.
- (iv) Setiausaha hendaklah menghantar kepada tiap – tiap ahli sekurang – kurangnya 14 hari sebelum mesyuarat agung tahunan diadakan, suatu notis mesyuarat yang menerangkan tarikh, waktu dan tempat serta agenda mesyuarat termasuk salinan – salinan peringatan mesyuarat dan laporan – laporan berserta penyata kira – kira Kelab bagi tahun lalu yang telah diaudit. Salinan surat – surat ini juga hendaklah dibekalkan untuk dibaca oleh ahli – ahli dialamat berdaftar atau ditempat mesyuarat Kelab.
- (v) Mesyuarat Agung Khas bagi Kelab ini boleh diadakan :
- (a) Bila difikirkan mustahak oleh jawatankuasa : atau
 - (b) Atas permintaan beramai – ramai secara bertulis tidak kurang daripada 1/5 daripada jumlah ahli yang berhak mengundi dengan menerangkan tujuan – tujuan dan sebab – sebab mengadakannya.
- (vi) Mesyuarat Agung Khas yang diminta oleh ahli – ahli hendaklah diadakan pada satu tarikh didalam tempoh satu bulan dari tarikh penerimaan permintaan mesyuarat itu.

- (vii) Pengumuman dan agenda untuk mesyuarat agung khas itu hendaklah diedarkan oleh Setiausaha kepada semua ahli sekurang – kurangnya 14 hari sebelum tarikh yang telah ditetapkan untuk mesyuarat.
- (viii) Fasal 7 (i) dan 7 (ii) Perkara ini berkenaan korum dan penangguhan mesyuarat agung tahunan boleh digunakan untuk mesyuarat agung khas, tetapi dengan syarat jika korum tidak mencukupi selepas setengah jam dari waktu yang telah ditetapkan bagi mesyuarat itu hendaklah dibatalkan dan dalam masa 6 bulan daripada tarikh ini mesyuarat agung khas atas permintaan ahli – ahli dengan tujuan yang sama tidaklah boleh diadakan.
- (ix) Setiausaha hendaklah menghantar kepada tiap – tiap salinan deraf peringatan tiap Mesyuarat Agung Tahunan dan Mesyuarat Agung Khas dengan seberapa segera yang boleh setelah selesainya mesyuarat itu.

7. Jawatan Kuasa

- (i) Jawatankuasa Kelab ini hendaklah mengandungi pegawai – pegawai seperti berikut :
 - 1. Yang Dipertua Kelab
 - 2. Timbalan Yang Dipertua Kelab
 - 3. Setiausaha
 - 4. Penolong Setiausaha
 - 5. Bendahari
 - 6. Penolong Bendahari
 - 7. Tujuh (7) Ahli Jawatankuasa Biasa

- (ii) Pemegang – pemegang jawatan dan tiap – tiap pegawai yang menjalankan tugas – tugas pemerintah dalam Kelab hendaklah Warganegara Malaysia.
- (iii) Nama – nama untuk jawatan - jawatan yang diatas kecuali Yang Dipertua hendaklah dicadangkan dan disokong dan pemilihan dijalankan dengan cara mengundi oleh ahli – ahli didalam mesyuarat agung tahunan. Semua pegawai – pegawai boleh dilantik semula tiap – tiap tahun.
- (iv) Pekerjaan Jawatankuasa mengelola dan mengaturkan kerja – kerja harian Kelab dan membuat keputusan atas perkara – perkara mengenai perjalanan kelab dengan tidak terkeluar dari dasar umum yang ditetapkan oleh mesyuarat agung. Jawatankuasa seharusnya tidaklah boleh membuat tindakan bertentangan dengan keputusan mesyuarat agung tidak terlebih dahulu berhubung dengannya dan Jawatankuasa mestilah sentiasa patuh kepada keputusan mesyuarat agung. Jawatankuasa hendaklah memberi laporan berkenaan kegiatan – kegiatan dalam tahun lalu kepada tiap – tiap mesyuarat agung tahunan.
- (v) Jawatankuasa hendaklah bermesyuarat sekurang – kurangnya sekali setiap 6 bulan. Notis bagi tiap – tiap mesyuarat hendaklah diberikan kepada ahli – ahli 7 hari terlebih dahulu. Yang Dipertua secara sendiri, atau tidak kurang daripada 4 orang ahli jawatankuasa bersama – sama boleh memanggil supaya diadakan mesyuarat Jawatankuasa pada bila – bila masa. Sekurang – kurangnya setengah daripada bilangan ahli – ahli jawatankuasa hendaklah hadir bagi mengesahkan perjalanan dan mencukupkan korum mesyuarat.
- (vi) Jika timbul perkara mustahak yang berkehendakkan kelulusan Jawatankuasa dan mesyuarat Jawatankuasa tidak dapat diadakan, maka Setiausaha boleh mendapatkan kelulusan daripada ahli – ahli Jawatankuasa melalui surat pekeliling. Syarat – syarat berikut hendaklah

disempurnakan sebelum keputusan Jawatankuasa boleh dianggap sebagai telah terima.

- (a) Masalah yang dibangkitkan itu hendaklah dibuktikan dengan terang didalam surat pekeliling yang dihantar kepada tiap – tiap ahli Jawatankuasa.
 - (b) Sekurang – kurangnya setengah daripada bilangan ahli – ahli Jawatankuasa mestilah menyatakan persetujuan atau bantahan mereka kepada cadangan itu, dan
 - (c) Keputusan hendaklah dengan undi yang terbanyak.
 - (d) Sebarang keputusan yang didapati melalui surat Pekeliling hendaklah dilaporkan oleh Setiausaha kepada Mesyuarat Jawatankuasa kemudiannya untuk disahkan dan dicatatkan didalam peringatan mesyuarat.
- (vii) Ahli Jawatankuasa yang gagal menghadiri mesyuarat Jawatankuasa tiga kali berturut – turut tanpa alasan yang memuaskan akan disifatkan sebagai telah meletakkan jawatan didalam Jawatankuasa.
- (viii) Jika seorang ahli Jawatankuasa meninggal dunia, meletakkan jawatan atau bertukar dari pejabat asal, maka calon yang kedua mendapat undi terbanyak didalam pemilihan yang lalu hendaklah dipanggil untuk memenuhi kekosongan itu. Jika calon yang sedemikian tidak ada atau menolak jawatan itu maka berkuasalah Jawatankuasa ahli kelab yang lain memenuhi kekosongan itu sehingga mesyuarat agung tahunan diadakan.
- (ix) Jawatankuasa boleh memberi arahan kepada Setiausaha dan lain – lain pegawai untuk menjalankan urusan – urusan Kelab dan melantik

pengurus – pengurus dan kakitangan – kakitangan yang difikirkannya mustahak. Ia boleh menggantungkan atau melucutkan jawatan sebarang pengurus atau kakitangan kerana cuai didalam pekerjaan, curang, tidak cekap, ingkar menjalankan keputusan Jawatankuasa, atau kerana sebab – sebab yang difikirkan merosakkan imej Kelab.

- (x) Jawatankuasa boleh menubuhkan Jawatankuasa – Jawatankuasa kecil jika difikirkan mustahak dan memberikan kewajipan – kewajipan khas kepada sebarang ahli Jawatankuasa.

8. Kewajipan – Kewajipan Pegawai

- (i) Yang Dipertua, dalam masa jawatannya, hendaklah menjadikan Pengerusi semua mesyuarat agung dan semua mesyuarat jawatankuasa dan bertanggungjawab atas kesempurnaan perjalanan semua mesyuarat. Ia mempunyai undi pemutus dan hendaklah ia menandatangani perintah – perintah mesyuarat bila telah diluluskan. Ia bolehlah menandatangani semua Cek Kelab bersama – sama dengan Bendahari.
- (ii) Seorang Timbalan Yang Dipertua hendaklah memangku jawatan Yang Dipertua semasa ketiadaannya.
- (iii) Setiausaha hendaklah menjalankan kerja – kerja pentadbiran Kelab mengikut undang – undang dan hendaklah menjalankan perintah – perintah mesyuarat – mesyuarat agung dan Jawatankuasa. Ia bertanggungjawab menguruskan hal – hal surat menyurat dan menyimpan semua buku-buku, surat – surat dan kertas – kerta kecuali kira – kira dan buku – buku kewangan. Setiausaha hendaklah menyimpan buku daftar ahli yang mengandungi butir – butir seperti nama, umur, nombor kad pengenalan, pekerjaan dan alamat tiap – tiap ahli.

Ia hendaklah hadir didalam semua mesyuarat dan mencatat minit mesyuarat. Ia boleh menandatangani semua Cek Kelab bersama – sama dengan Bendahari. Setiausaha hendaklah di dalam masa 60 hari dari tarikh mesyuarat agung tahunan diadakan mengirim penyata tahunan Kelab kepada Pendaftar Pertubuhan yang dikehendaki dibawah Seksyen 14 Akta Pertubuhan 1966.

- (iv) Penolong Setiausaha hendaklah menolong Setiausaha menjalankan kerja – kerjanya dan memangku jawatan itu semasa ketiadaan Setiausaha.
- (v) Bendahari adalah bertanggungjawab berkenaan semua hal kewangan Kelab. Ia hendaklah membuat dan menyimpan kira – kira berkenaan semua perkara kewangan dan bertanggungjawab diatas kebetulannya. Ia mestilah menandatangani semua Cek Kelab bersama – sama Yang Dipertua atau Setiausaha.
- (vi) Penolong Bendahari hendaklah menolong Bendahari menjalankan kerja – kerjanya dan memangku jawatan itu semasa ketiadaan Bendahari.
- (vii) Ahli – ahli jawatankuasa biasa hendaklah hadir didalam semua mesyuarat dan menyuarakan pendapat mereka mengenai pentadbiran Kelab dan menolong pemegang Jawatan Utama Kelab ini dalam memutuskan sebarang keputusan demi kepentingan ahli – ahli Kelab.

9. Kewangan

- (i) Tertakluk kepada peruntukkan – peruntukkan yang berikut bagi Undang – Undang Tubuh ini, wang kelab ini boleh digunakan untuk perkara yang berfaedah bagi menjalankan tujuan – tujuan Kelab, termasuklah belanja pentadbiran, bayaran gaji, biayaan dan perbelanjaan pegawai – pegawai dan maksud kebajikan ahli – ahli Kelab, tetapi walau bagaimanapun

tidaklah boleh digunakan untuk membayar denda ahli yang dijatuhkan hukum di Mahkamah.

- (ii) Bendahari dibolehkan menyimpan wang runcit tidak lebih dari RM200.00 atau pada suatu jumlah yang dibenarkan oleh Jawatankuasa pada sesuatu masa. Wang yang lebih daripada jumlah itu mestilah dimasukkan ke dalam bank yang disetujui oleh Jawatankuasa. Kira – kira bank itu hendaklah diatas nama Kelab.
- (iii) Segala cek atau kenyataan pengeluaran wang dari akaun Kelab hendaklah ditandatangani oleh Bendahari dan sama ada dengan Yang Dipertua atau Setiausaha. Jika ketiadaan Yang Dipertua, Setiausaha atau Bendahari maka bolehlah Jawatankuasa melantik sesiapa diantara mereka sebagai pengganti untuk menandatangani cek atau kenyataan pengeluaran wang Kelab.
- (iv) Perbelanjaan melebihi RM5,000.00 bagi sesuatu masa tidak boleh dibayar melainkan dengan kelulusan Jawatankuasa terlebih dahulu dan perbelanjaan melebihi RM10,000.00 sebulan tidak boleh dilakukan tanpa kebenaran mesyuarat agung terlebih dahulu. Perbelanjaan yang kurang daripada RM5,000.00 bagi sesuatu masa bolehlah diluluskan oleh Yang Dipertua bersama Setiausaha dan Bendahari.
- (v) Penyata darihal wang yang diterima dan dibelanjakan berserta kunci kira – kira tahunan hendaklah disediakan oleh Bendahari dan diperiksa oleh Pemeriksa Kira – Kira mengikut Perkara 10, dengan seberapa segeranya setelah tamat tahun kewangan. Penyata kira – kira yang telah diaudit itu hendaklah dikemukakan untuk kelulusan mesyuarat agung tahunan yang berikutnya dan salinan – salinannya hendaklah dibekalkan untuk makluman ahli dialamat berdaftar atau ditempat mesyuarat bagi Kelab.

- (vi) Tahun kewangan bermula dari 1hb Januari dan berakhir pada 31hb Disember tiap – tiap tahun.

10. Pemeriksa Kira – Kira

- (i) Dua (2) orang yang bukannya Ahli Jawatankuasa Kelab boleh dilantik didalam mesyuarat agung tahunan sebagai pemeriksa kira – kira. Mereka akan memegang jawatan selama satu tahun dan boleh dilantik semula.
- (ii) Pemeriksa kira – kira adalah dikehendaki memeriksa kira – kira tahunan Kelab dan membuat laporan atau pengesahan untuk mesyuarat agung. Mereka harus juga dikehendaki bila – bila masa didalam tempoh jawatan – jawatan mereka membuat laporan kepada Jawatankuasa.

11. Pemegang Amanah

- (i) Seorang Pemegang Amanah yang berumur lebih daripada 21 Tahun hendaklah dilantik dalam mesyuarat agung tahunan dan mereka akan berkhidmat selama yang dikehendaki oleh Kelab. Kepada mereka akan diamanahkan semua harta tetap kepunyaan Kelab dengan menandatangani surat suatu amanah.
- (ii) Pemegang Amanah tidak boleh menjual, menarik balik atau menukarkan milik harta kepunyaan Kelab tanpa persetujuan dan kuasa yang diberikan oleh mesyuarat agung Kelab.
- (iii) Seorang Pemegang Amanah boleh dilucutkan daripada jawatannya oleh Mesyuarat Agung oleh sebab uzur kerana penyakit, tidak siaman, tidak berada didalam negeri atau kerana lain sebab yang menyebabkan ia tidak boleh menjalankan tugasnya atau pekerjaannya dengan memuaskan. Jika berlaku kematian, perletakan jawatan atau pembuangan seseorang

Pemegang Amanah maka kekosongan itu bolehlah diisi oleh Pemegang Amanah yang baru dilantik didalam mesyuarat agung.

12. Tafsiran Undang – Undang Tubuh

- (i) Diantara mesyuarat – mesyuarat agung, Jawatankuasa boleh memberikan tafsirannya kepada Undang – Undang Tubuh ini dan bila mustahak memutuskan perkara – perkara yang tidak terkandung didalam Undang – Undang Tubuh ini.
- (ii) Kecuali perkara – perkara yang bertentangan atau tidak selaras dengan dasar yang telah dibuat didalam mesyuarat agung, keputusan jawatankuasa terhadap ahli – ahli muktamad jika tidak diubah oleh keputusannya mesyuarat agung.

13. Penaung/Penasihat/Yang Dipertua

- (i) Penaung – Hakim Utama Mahkamah Tinggi Kuantan adalah dilantik secara automatik sebagai Penaung Kelab
- (ii) Penasihat – Hakim Kanan Mahkamah Sesyen Kuantan (1) adalah dilantik secara automatik sebagai Penasihat Kelab.
- (iii) Yang Dipertua – Hakim Mahkamah Sesyen (2) Kuantan adalah dilantik secara automatik sebagai Yang Dipertua Kelab.

14. Larangan

- (i) Permainan berbentuk perjudian, pertaruhan dan tilik nasib tidak boleh dibenarkan dimainkan didalam premis Kelab.

- (ii) Kelab atau ahli – ahlinya tidak boleh cuba menghalang atau dengan apa cara juga mengganggu perniagaan atau harga barang – barang atau mengambil peranan didalam gerakan kesatuan sekerja seperti yang diterangkan didalam Ordinan Kesatuan Sekerja, 1959.
- (iii) Kelab ini tidak boleh menjalankan loteri sama ada dikhaskan kepada ahli – ahli atau tidak, atas nama Kelab atau pegawai – pegawainya atau Jawatankuasa atau ahli – ahli tanpa kelulusan daripada pihak berkuasa berkenaan.
- (iv) Faedah – faedah seperti yang diterangkan dibawah Seksyen 2 Akta Pertubuhan, 1966 tidaklah boleh diberi oleh Kelab kepada mana – mana ahli Kelab.
- (v) Kelab ini tidak boleh menjalankan kutipan derma daripada orang awam kecuali mendapat kebenaran bertulis daripada Pendaftar Pertubuhan terlebih dahulu.
- (vi) Mana – mana orang tidak boleh memegang, menjadi penasihat atau pekerja Kelab ini jika ia telah hilang kelayakan berbuat demikian menurut Seksyen 9A Akta Pertubuhan 1966.

15. Pindaan Undang – Undang Tubuh Kelab

Pindaan undang – undang Kelab tidak boleh diubah atau dipinda kecuali dengan keputusan mesyuarat agung. Permohonan untuk perubahan – perubahan dan pindaan – pindaan kepada Undang – Undang Tubuh Kelab hendaklah dibuat kepada Pendaftar Pertubuhan dalam masa 60 hari dari tarikh keputusan hendak membuat perubahan atau pindaan itu dan hanya boleh dijalankan kuatkuasanya mulai daripada tarikh perubahan – perubahan dan pindaan – pindaan itu diluluskan oleh Pendaftar Pertubuhan.

16. Pembubaran

- (i) Kelab boleh dibubarkan secara sukarela dengan persetujuan tidak kurang daripada tiga perlima jumlah ahli – ahli yang berhak mengundi didalam satu mesyuarat agung yang diadakan khas untuk tujuan pembubaran.

- (ii) Sekiranya Kelah hendak dibubarkan secara yang disebutkan diatas, maka segala hutang dan tanggungan Kelab yang sah mengikut undang – undang hendaklah dijelaskan dan baki wang yang tinggal hendaklah diselesaikan mengikut cara yang dipersetujukan didalam mesyuarat agung.

- (iii) Kenyataan bersabit dengan pembubaran itu hendaklah disampaikan kepada Pendaftar Pertubuhan didalam masa 14 hari dari tarikh pembubaran itu.

Pengerusi

Kelab Sukan dan Kebajikan
Mahkamah Pahang Timur

Setiausaha

Kelab Sukan dan Kebajikan
Mahkamah Pahang Timur